

Utusan Borneo (Sarawak)  
07 June 2018

## CIMB sasar sumbangan Takaful Mulia cecah RM10 juta

**KUALA LUMPUR:** CIMB Islamic Bank Bhd yakin sumbangan polisi Takaful Mulia yang baharu dilancarkan, mampu mencecah RM10 juta menjelang akhir tahun ini.

Polisi itu diwujudkan khusus bagi kalangan Muslim dan meliputi pampasan akibat kehilangan upaya kekal dan menyeluruh (TPD), simpanan dan manfaat berkaitan kewajipan keagamaan seperti wakaf, zakat, fidyah, sedekah dan haji/umrah.

“Produk itu mendapat sambutan baik sejak pelancaran awalnya pada akhir tahun lepas dengan mencatat sumbangan sebanyak RM3 juta setakat ini,” kata Ketua Serantau CIMB bagi Pengurusan Kekayaan, Gary Yong.

Takaful Mulia yang dibangunkan oleh Sun Life Malaysia Takaful Bhd untuk CIMB Islamic, turut menyediakan pembayaran sekali gus 100 peratus bagi jumlah yang di-insuranskan untuk kematian akibat nahas atau TPD yang

berlaku dalam masjid atau surau atau ketika mengejar haji serta umrah.

Sementara itu, Ketua Pegawai Eksekutif (CEO) CIMB Group Islamic Banking Rafe Haneef berkata, gabungan keupayaan CIMB Islamic dan Sun Life Malaysia akan membolehkan pelanggan menyaksikan produk yang lebih inovatif di masa depan.

“CIMB Islamic menerusi perkongsian dengan Sun Life Malaysia, sentiasa memberi tumpuan kepada menghasilkan nilai saranan terbaik untuk para pelanggan.

“Menerusi inovasi nilai saranan itu, kalangan pelanggan dapat menunaikan kewajipan ibadah walaupun selepas meninggal dunia atau TPD,” katanya.

Sementara itu, CEO Sun Life Malaysia Muhammad Fikri Mohamad Rawi berkata, Takaful Mulia berjaya menseimbangkan antara perlindungan, simpanan dan memenuhi aspek kerohanian selain meletakkan penanda

aras baharu dalam industri takaful domestik.

“Kami berbangga dapat bekerjasama dengan CIMB Islamic untuk menawarkan produk inovatif ini yang membantu pelanggan CIMB meninggalkan sesuatu yang bernilai untuk insan tersayang selepas meninggal dunia selain memenuhi tanggungjawab seperti wakaf, zakat dan sedekah,” katanya.

Dalam pada itu, mengulas prospek sukuk industri bagi 2018, Rafe berkata ia akan kekal positif walaupun pembiayaan beberapa projek besar menerusi sukuk itu telah dibatalkan.

“Kesanan sambungan dari segi pembangunan infrastruktur di Malaysia akan terus ada. Saya berasakan kerajaan baharu ini akan meneruskan pembangunan yang mampan (bagi prospek sukuk industri).

“Saya juga yakin Malaysia akan mengekalkan 55 peratus daripada bahagian pasaran sukuk global pada tahun ini,” katanya. — Bernama